

BAB 1

Kemiskinan Di Kalangan Masyarakat ladang

1.0. Pengenalan

Malaysia adalah salah sebuah negara yang sedang membangun yang kini disifatkan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan. Hal ini telah dibuktikan dalam statistik yang menunjukkan bahawa dalam tempoh 23 tahun (1970 hingga 1993), kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah turun daripada 49.3 peratus (1970) kepada 10.5 peratus (1993) dan kemiskinan luar bandar pula berkurangan daripada 58.7 peratus (1970) kepada 14.9 peratus (1993) dan kemiskinan bandar pula telah berkurangan daripada 21.3 peratus (1970) kepada 4.4 peratus (1993) (Mohd.Taib Dora 2000).

Kejayaan ini sering dikaitkan dengan pretasi ekonomi yang lebih baik dari segi pertumbuhan, peningkatan daya pengeluaran, peluang pekerjaan, kadar kenal huruf dan taraf pendidikan, kesihatan dan komitmen kerajaan. Walaupun demikian perangkaan tersebut tidak menggambarkan keadaan yang sebenarnya. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu sebanyak RM510 (1999) tidak membezakan kawasan bandar dan luar bandar. Oleh itu, kemiskinan amat sukar dihapuskan, bahkan masih wujud di daerah-daerah tertentu, terutamanya di luar bandar. Di luar bandar kumpulan sasaran kemiskinan utama masih terletak pada sektor pertanian yang terdiri daripada penanaman padi (50.2 peratus), pekebun kecil getah (40 peratus), pekebun kecil kelapa (39.2 peratus), nelayan (24.5 peratus), dan pekerja estet (15.0 peratus) (Chamhuri Siwar 1995:2).

Walau bagaimanapun kajian mengenai masalah kemiskinan dan beberapa kesan sosio-ekonomi yang dihadapi oleh pekerja-pekerja ladang di Malaysia begitu kurang dilakukan. Hal ini berlaku kerana kajian-kajian mengenai kemiskinan dinegeri ini tertumpu kepada kehidupan sosio-ekonomi kaum petani, pekebun-pekebun kecil dan nelayan yang tinggal di kawasan desa ataupun kumpulan-kumpulan setinggan di kawasan bandar yang pada amnya dianggap sebagai golongan-golongan miskin. Didapati pekerja ladang telahpun digolongkan sebagai kumpulan miskin dalam Rancangan Malaysia Kelima dan dalam keadaan wujudnya masalah kemiskinan diladang-ladang. Masyarakat pekerja ladang pula boleh dikatakan terasing dalam arus pembangunan negara dimana mereka masing menghadapi berbagai masalah sosio-ekonomi yang berkait rapat dengan persekitaran corak pekerjaan mereka.

1.1. Persoalan Kajian

Masalah kemiskinan terus menjadi masalah utama di Malaysia walaupun negara telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang membanggakan. Masalah kemiskinan di Malaysia mempunyai ciri-ciri berikut (Chamhuri Siwar 1992:219) iaitu kemiskinan mempunyai perhubungan yang rapat dengan faktor etnik serta berkait dengan lokasi geografi dan aktiviti ekonomi; kedua masalah kemiskinan adalah lebih ketara lagi dikawasan luar bandar.

Masalah utama sektor luar bandar ialah lebih wujudnya kemiskinan di kalangan kumpulan sasara yang menduduki kawasan luar bandar walaupun kadar kemiskinan luar bandar telah berkurang dari 58.7 peratus pada tahun 1970 kepada 11.8 peratus pada tahun 1997. Antara salah satu kumpulan sasaran yang termasuk dalam Rancangan Malaysia

kelapan ialah pekerja estet. Oleh itu tidak dapat dinafikat bahawa sektor perladangan di Malaysia juga, tidak ketinggalan dalam isu masalah kemiskinan.

Industri perladangan di Malaysia menjadi sektor yang penting dalam membangunkan negara dan ia juga menawarkan peluang pekerjaan yang tinggi dimana sektor ini telah memberi peluang pekerjaan kepada 73000 orang pekerja ladang getah pada tahun 1995 (Dato' Dr. Gan Khuan Poh et al.1995:230). Sektor perladangan ini memainkan peranan penting dalam kemajuan ekonomi negara. Jika dilihat sejaranya, sektor perladangan merupakan salah satu sektor yang paling awal dan terus wujud di Malaysia sehingga Malaysia menduduki tempat ketiga dalam pengeluaran getah asli dunia pada tahun 1992. Tambahan pula sektor ini telah menyumbangkan sebanyak 4.9 billion (RM 2.4 billion hasil jualan getah asli dan RM 2.5 billion hasil jualan barang getah) bagi pendapatan negara pada tahun 1992 (Dato' Dr. Gan Khuan Poh et al.1995:230). Walaupun sektor ini telah banyak menyumbangkan keuntungan terhadap pendapatan Negara namun sosio-ekonomi pekerja ladang getah tetap terus diabaikan oleh pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam sistem pengurusan masyarakat ladang ini. Masyarakat ladang terus hidup dalam belenggu kemiskinan di negara ini yang telah mencapai kemerdekaan selama 47 tahun dahulu. Kemiskinan pekerja ladang merupakan satu isu yang tidak terasing lagi di Malaysia. Keadaan kemiskinan di kalangan masyarakat ladang telah digambarkan dengan lebih jelas oleh SM Mohamed Idris (1985:74) melalui bukunya "*Malaysian Consumers and Development*" seperti berikut "*In poor kampungs and estates, children suffer from malnutrition, and families still lack proper water, sanitation, lighting, and housing facilities. Due to the shortage of land and the exploitation by middlemen and moneylenders, the real incomes of many farmers remain low and they are caught in a vicious cycle of poverty and indebtedness*".

Keadaan kemiskinan disektor perladangan bertambah serius, apabila harga getah di pasaran dunia telah menuruun baru-baru ini. Keadaan ini jelas kelihatan dalam laporan Rancangan Malaysia Kelapan iaitu di dapati kadar kemiskinan dan bilangan isi rumah miskin luar Bandar telah meningkat dari 11.8 peratus pada tahun 1997 kepada 13.2 peratus pada tahun 1999. Hal ini turut mempengaruhi taraf kehidupan masyarakat ladang kerana struktur gaji pekerja ladang getah di pengaruhi oleh faktor-faktor luaran seperti harga pasaran getah di dunia. Isu kemiskinan di sector perladangan menjadi kemuncak apabila lebih 2000 pekerja lading terdiri daripada kaum India dan sebahagian kecil pekerja estet Melayu dari seluruh negeri di Semenanjung Malaysia telah melangkah ke Parlimen untuk menuntut gaji bulanan yang minima (Harakah 23hb April 1999). Pekerja-pekerja ladang menghadapi kemiskinan kerana mereka bergantung kepada kadar upah yang sangat rendah. Bagi golongan pekerja seperti kadar upah mereka akan menentukan pendapatan tetap tunai yang kemudiannya akan menentukan pula sejauhmana pendapatan ini mencukupi untuk menampung keperluan hidup yang minima, memenuhi keperluan makanan, perumahan, pakaian, pendidikan anak-anak dan jaminan untuk masa hadapan.

Oleh itu persoalan kajian utama ini adalah untuk melihat sejauhmanakah kadar upah yang diterima oleh golongan pekerja ini dapat menentukan kehidupan hari ini dan juga jaminan kehidupan untuk masa akan datang. Iaitu bagaimana mereka berupaya memenuhi keperluan-keperluan semasa yang berterusan, terutamanya keperluan makanan dan mampu pula mempunyai lebihan pendapat supaya ia dapat digunakan untuk memenuhi keperluan pendidikan anak-anak, perumahan, keselamatan dan pakaian.

Selain itu, persoalan kajian ini juga adalah untuk melihat kemiskinan pekerja ladang dengan ketersampaian bekalan elektrik, air perkhidmatan kesihatan dan pendidikan di kalangan golongan pekerja ladang.

1.2.Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan menganalisis beberapa persoalan, seperti yang dibincangkan dalam permasalahan kajian. Secara khususnya, tujuan tersebut adalah seperti yang berikut :

1. Untuk melihat masalah-masalah yang dihadapai oleh pekerja ladang sehingga menyebabkan hidup mereka miskin.
2. Untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor yang mengakibatkan kemiskinan khususnya di kalangan pekerja ladang di kawasan kajian.

1.3.Skop kajian

Negeri Selangor adalah salah sebuah negeri yang merupakan pengeluar utama getah asli di Semenanjung Malaysia. Oleh itu kajian ini tertumpu di sekitar ladang yang terletak di daerah hulu langat selangor.

Skop kajian ini menumpukan pada sektor perladangan sahaja dan tidak termasuk pekebun-pekebun kecil. Responden utama dalam kajian ini terdiri daripada ladang-ladang sahaja. Skop kajian dihadkan pada etnik India sahaja kerana majoriti pekerja yang tinggal di ladang ialah komuniti India. Selain itu, pemilihan responden pula tertumpu kepada ketua isi rumah. Isu-isu dalam kajian ini dilihat daripada perspektif sosial dan ekonomi masyarakat ladang tersebut.

Secara amnya skop kajian ini akan mengkaji faktor-faktor kemiskinan dan corak kualiti kehidupan yang dialami oleh para pekerja ladang. Oleh itu skop penumpuan kajian

adalah tertumpu terhadap pemilikan harta, pola pendapatan, pola pekerjaan, pola perbelanjaan isirumah, dan pola pendidikan pekerja ladang,

1.4.Kepentingan Kajian

Ramai pengkaji tempatan dan luar negara telah berusaha untuk mengkaji masalah kemiskinan di kalangan masyarakat ladang ini sejak tahun 70an lagi iaitu selepas Rancangan Malaysia Ketiga mengidentifikasi golongan pekerja estet sebagai golongan miskin. Bermula tahun 70an telah banyak kajian dijalankan keatas masyarakat ladang oleh pelbagai pihak dengan menekankan aspek-aspek sosio-ekonomi bagi menghuraikan fenomena kemiskinan yang dialaminya.

Walaupun terdapat banyak pengkaji yang telah menjalankan kajian keatas kemiskinan di kalangan masyarakat ladang ini, sejak tahun 70an hingga 90an, tetapi belum ada sebarang kajian yang dijalankan secara terperinci untuk melihat semula keadaan taraf hidup masyarakat ladang selepas ‘SKIM GAJI BULANAN’ dikenalkan oleh MAPA dan NUPW pada tahun 2001.

Oleh kerana belum ada sebarang kajian secara terperinci mengenai kemiskinan penduduk ladang dijalankan selepas skim tersebut diperkenalkan, maka pengkaji telah membuat penyelidikan keatas masyarakat ladang untuk melihat status kemiskinan yang dialami oleh masyarakat ladang setelah skim tersebut diperkenalkan.

1.5.0 Konsep Kemiskinan

Kemiskinan merupakan salah satu masalah yang selalu dihadapi oleh manusia. Masalah kemiskinan itu sama tuannya dengan usia kemanusian itu sendiri dan implikasi permasalahannya dapat dilibatkan keseluruhan aspek kehidupan manusia (Parsudi Suparlan 1984:1). Tambahan pula masalah kemiskinan masih merupakan penyakit sosial yang paling dahsyat dan menjadi musuh utama kepada rancangan pembangunan negara (Hairi Abdullah 1984:16). Kemiskinan merupakan fenomena pelbagai dimensi. Dimensi ekonomi merupakan dimensi utama ,tetapi tidak kurang penting dimensi sosial, politik, perubatan, pemakanan, pendidikan,dan sebagainya (H.Osman -Rani 1995 :8).Oleh yang demikian tafsiran kemiskinan adalah luas dan mempunyai perspektif yang berbeza-beza mengikut masyarakat yang mengalaminya. Tidak ada satu tafsiran kemiskinan yang diterima dan digunakan oleh semua negara pada setiap masa tanpa mengambil kira struktur masyarakat dan tahap pembangunan di negara berkenaan.

Secara umumnya, terdapat berbagai-bagai kajian kemiskinan berbagai-sudut, termasuk ekonomi, sosiologi, antrapologi, geografi, perubatan, pendidikan dan sebagainya. Kesemua kajian tersebut mendefinisikan kemiskinan daripada sudut pandangan berbeza. Dari sudut ekonomi, kemiskinan ditakrifkan sebagai keadaan kekurangan daripada pendapatan minimum yang diperlukan untuk memenuhi keperluan asas makanan, pakaian, tempat perlindungan dan kemudahan asas (Chamhuri Siwar 1995). Tahap pendapatan dibawah mana seseorang itu dianggap miskin dikenali sebagai Pendapatan garis Kemiskinan (PGK). Keluarga-keluarga yang mempunyai pendapatan kurang dari PGK ini adalah ditakrif sebagai miskin. Secara umumnya kemiskinan boleh ditakrif

dari perspektif mutlak atau relatif. Kemiskinan mutlak adalah situasi di mana pendapatan seseorang itu tidak mencukupi untuk keperluan makanan (diukir dalam kalori), pakaian, perlindungan dan lain-lain perbelanjaan yang perlu. Jumlah kalori yang diperlukan seseorang individu dalam sehari ialah 2250 mengikut pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia Kemiskinan relative pula merupakan keadaan seseorang atau sesuatu kelompok yang kekurangan didalam perkara-perkara seperti pendapatan pekerjaan, kuasa dan sebagainya

Menurut perspektif islam pula, konsep kemiskinan terbahagi kepada dua pengertian, iaitu kemiskian kebendaan dan kemiskinan kejiwaan (kerohanian). Kemiskinan kebendaan merujuk kepada keadaan ketidakcukupan dan mereka yang mengalami keadaan ini dikatakan miskin dan fakir. Miskin ialah keadaan seseorang yang memiliki harta tetapi tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan dan tanggungjawapnya. Manakala fakir pula ialah keadaan seseorang yang memiliki kurang daripada separuh keperluan (Surtahman Kastin Hasan 1996:70) Mengikut perspektif islam, kemiskinan juga boleh meninbulkan bahaya kerana keadaan ini boleh membawa kepada kerosakkan akidah, pelanggaran etika dan akhlak; kelalaian dan gangguan fikiran kerosakkan kekeluargaan, masyarakat dan Negara; kesan langsung kemiskinan bukan sahaja didunia malah sebagainya membawa kepada kesan akhirat.

Bagi ahli sains sosial, terutamanya ahli sosiologi, kemiskinan dilihat bukan semata-mata berdasarkan pendapatan yang diterima oleh seseorang tetapi mendefinisikan stratifikasi sosial masyarakat (Mohd. Taib Dora 2000:14). Mereka berpendapat bahawa faktor-faktor lain iaitu pengagihan pendapatan, peluang sosial dan ekonomi juga perlu dipertimbangkan dalam menghuraikan kemiskinan. Secara umumnya golongan ini menumpukan perhatian terhadap penghuraian sebab dan akibat kemiskinan yang dialami

oleh sesuatu golongan atau masyarakat. Sebagai contohnya, konsep sub-budaya miskin (*sub-culture of poverty*) yang diperkenalkan oleh Oscar Lewis (1966) merupakan sesuatu konsep yang dianggap sebagai akibat kemiskinan dan bukan puncanya. Lebih tepat lagi, konsep tersebut didenifisikan sebagai sesuatu kerangka konseptual, dengan penekanan khusus kepada perbedaan antara kemiskinan dan kebudayaan miskin. Konsep ini menengahkan persoalan kemiskinan dari perspektif nilai-nilai budaya masyarakat miskin tersebut. Kedudukan mereka anggap paling bawah dalam struktur strafikasi sosial masyarakat. Oleh yang demikian, dari perspektif sains sosial ini, mereka yang dianggap berada dalam kelas yang paling rendah ini didapati mempunyai sifat-sifat atau ciri-ciri budaya inilah yang dikenal oleh Oscar sebagai budaya miskin (Oscar Lewis 1966:30-50)

Menurut Parsudi Suparlan seorang tokoh antropologi Indonesia (1984:12), kemiskinan dapat didefinisikan sebagai suatu taraf hidup yang rendah iaitu adanya suatu tingkat kekurangan material pada sejumlah atau segolongan orang yang dibandingkan dengan taraf kehidupan yang umum berlaku dalam masyarakat yang bersangkutan. Taraf kehidupan yang rendah ini secara langsung nampak penggaruhnya terhadap tingkat keadaan kesihatan, kehidupan moral, dan rasa harga diri mereka yang tergolong sebagai orang miskin.

S.Husin (1983) mentakrifkan kemiskinan sebagai pertama, keadaan kekurangan keperluan asas (makanan, perumahan, pakaian, dan kemudahan asas); kedua, ketiadaan atau kekurangan kemampuan disebabkan tingkat pendapatan, penilikan dan pekerjaan yang rendah; ketiga, merupakan golongan bahawahan dalam sistem susun lapis masyarakat.

Daripada pertimbangan di atas, jelas bahawa kemiskinan merupakan satu fenomena sosioekonomi yang kompleks. Selain itu, fenomena ini menggambarkan keadaan

kekurangan peluang untuk mendapat sumber dan kemudahan asas dan perhidmatan akibat taraf pendidikan, kesihatan dan kualiti hidup yang rendah.

1.5.1 Konsep ladang

Di Malaysia, ladang didefinisikan sebagai tanah bersebelahan dengan keluasan tidak kurang hamper 40.7 hektar (100ekar)dan ditanam dengan tanaman getah dan kelapa sawit. Ia merupakan satu unit pengeluaran yang mengandungi kelas-kelas sosial seperti pengurusan, penyelia dan pekerja (Ramasamy 1984:2). Menurut laporan kementerian Buruh dan Tenaga rakyat (1982),semenanjung Malaysia mempunyai 558 buah ladang dan setiap ladang dan setiap adalah melebihi 100 ekar. Sebagainya besar tanaman diladang-setiap ladang tersebut adalah getah dan kelapa sawit. Dari jumlah pekerja buruh ladang ini 49 peratus terdiri daripada kaum India, 38 peratus kaum Melayu, 13 peratus kaum Cina.

1.6 Kerangka teoritikal

Kemiskinan merupakan satu isu yang penting dan paling utama yang perlu di atasi oleh sesebuah negara terutamanya bagi negara dunia ketiga untuk menstabilkan negaranya dari segi ekonomi, politik dan sosial. Kemiskinan ini dapat diterangkan melalui beberapa teori tetapi ia hanya memerlukan perincian tertentu bagi menerangkan situasi-situasi yang dipilih. Justeru perspektif ragam pengeluaran oleh Marx digunakan sebagai kerangka konseptual dalam kajian ini untuk menggambarkan kemiskinan di kalangan pekerja ladang kerana ia mempunyai perhubungan dengan kuasa pengeluar dan hubungan pengeluar yang melibatkan dua golongan iaitu golongan borjuis (majikan atau tuan tanah) dan golongan proletariat (pekerja). Tambahan pula ia merupakan satu alat analisis yang berguna dalam mengkaji struktur masyarakat di negara-negara membangun serta proses perubahan yang dialami oleh masyarakat tersebut (Ishak Shari 1988:23)

1.6.1. Perspektif ragam pengeluaran oleh Marx

Perspektif ragam pegeluran (*models of production*) adalah salah satu prespektif yang menjelaskan megenai krisis dalam pembangunan berdasarkan ruang lingkup ekonomi dan kelas dalam masyarakat. Prespektif ragam pengeluaran berkembang daripada pemikiran Marx yang melihat masyarakat sebagai sastu arena pertentangan atau koflik kelas iaitu akibat terdapatnya dua pihak yang saling berbeza kedudukan atau peranan serta pengawalan ke atas alat-alat pengeluaran (*means of production*) yang terlibat dalam satu

proses pengeluran barang. Satu pihak dikatakan memiliki kuasa pengeluaran, serta mendominasi pemilikan alat-alat pengeluaran, manakala satu pihak yang lain hanya menawarkan tenaga buruh iaitu terlibat dalam hubungan pengeluaran. Inilah dua kelas utama yang terdapat dalam ragam pengeluaran yang cuba digambarkan oleh Marx.

Dalam prespektif ragam pengeluaran (*Marxist*) ekonomi telah dilihat sebagai struktur asas (*base structure*) iaitu struktur yang menentukan segala bentuk struktur (*super structure*) seperti hubungan-hubungan sosial, kekeluargaan, kenegaraan, politik dan undang-undang dalam sesebuah negara atau komuniti. Dengan kata lain ekonomi menakluk semua bentuk hubungan sosial dalam masyarakat sehingga menimbulkan dominasi dan kemeleratan ke atas hubungan-hubungan kemanusian atau kemasyarakatan terutamanya kaum buruh. Kerana itulah konflik kelas antara kaum buruh (proletariat) dan borjuis (kapitalis) mulai terjadi di dalam masyarakat, iaitu sebagai akibat daripada kesengsaraan yang berpunca dari pengaruh ekonomi kapitalis.

Menurut prespektif ini, ekonomi dalam sesebuah masyarakat atau negara ditandai oleh tiga elemen iaitu penghasilan (kelas pekerja atau *producers*), pembekal pemodal dan alat-alat pengeluaran (*means of production*). Ketiga-tiga komponen di atas sebenarnya boleh diringkaskan kepada dua bentuk hubungan

1. Hubungan pengeluaran: Merujuk kepada hubungan antara pekerja dengan alat pengeluaran dalam proses buruh atau penghasilan komoditi atau barang. Merujuk kepada individu yang menawarkan tenaga untuk menghasilkan barang tetapi tidak memiliki alat-alat pengeluaran (contoh buruh berkemahiran, buruh tanpa tanah, pekerja ladang, pekerja industri dan sebagainya). Individu yang terlibat

dalam hubungan pengeluaran ini digelar kaum proletariat (pekerja) atau pekerja industri.

2. Hubungan harta atau kuasa: merujuk kepada hubungan pemilik terhadap modal dan buruh, yakni merujuk kepada kumpulan pemodal (borjuis). Mereka adalah pengusaha yang memiliki dan mengawal alat-alat pengeluaran dalam proses buruh, oleh itu mempunyai kuasa dalam menentukan jumlah pengeluaran dan agihan (kekayaan) di kalangan buruh.

Kedudukan di antara kuasa pengeluaran dan hubungan pengeluaran adalah dialektis sifatnya iaitu saling bertentangan atau berkonflik. Menurut marx, konsep ragam pengeluaran dan perkembangan ragam pengeluaran ini berkait rapat dengan konsep harta dan bentuk-bentuk harta yang dipertahankan dan diperjuangkan oleh sesebuah masyarakat atau negara. Ragam pengeluaran kapitalis adalah ragam pengeluaran yang membenarkan pemilikan harta bagi tiap-tiap individu secara sah dan bebas. Individu baik secara perseorangan atau berkumpulan boleh memiliki harta setakat mana yang diinginkan oleh mereka tanpa sebarang had. Pengumpulan harta secara bebas dan tanpa had telah menyebabkan wujudnya dua kelas atau kelompok manusia yang saling bertentang kepentingannya dalam struktur ekonomi iaitu: kelas hartawan (pemilik atau pemodal) dan kelas bukan hartawan (pekerja), maka pemilikan harta peribadi yang bebas telah menyebabkan wujud agihan kekayaan yang tidak seimbang di kalangan masyarakat, di mana kelas hartawan bertambah kaya dan kelas pekerja bertambah miskin.

Oleh itu teori ini akan digunakan sebagai asas untuk melihat dari segi hubungan sosial pengeluaran pada peringkat ladang, iaitu sejauhmanakah hubungan-hubungan sosial

yang berasaskan kuasa pengeluaran dan hubungan pengeluaran berinteraksi dalam proses pengeluaran perladangan sehingga boleh menyebabkan kemiskinan di kalangan pekerja ladang.

Dari segi hubungan sosial pengeluaran pada peringkat ladang, masyarakatnya terbagai kepada beberapa kumpulan utama, kumpulan pertama ialah agen-agen pemodal metropolis, iaitu wakil kepitalis tidur (*absentee capitalists*) yang bertugas sebagai pengurus-pengurus ladang (Kamarudin M. Said, 1984:112). Mereka adalah pengusaha yang memiliki kuasa pengeluaran hubungan harta kuasa. Kumpulan kedua ialah kakitangan pengawasan yang bekerja untuk golongan kapitalis bagi membantu golongan tersebut dalam mengurus pengeluaran di ladang (termasuk pekerja dan alat pengeluaran). Kumpulan yang terakhir yang juga merupakan kumpulan yang berada dibawah sekali dalam stratifikasi sosiol ladang ini ialah penoreh getah, pekerja-pekerja kilang dan buruh-buruh kasar pembersih ladang. Kumpulan ini merupakan kumpulan yang memiliki hubungan pengeluaran iaitu merujuk kepada individu yang menawarkan tenaga untuk menghasilkan barang tetapi tidak memiliki alat-alat pengeluaran. Ketiga-tiga kumpulan diatas, boleh diringkaskan kepada dua bentuk sosial iaitu kuasa pengeluaran (merujuk kepada pengurs ladang atau majikan) dan hubungan pengeluaran (merujuk kepada pekerja atau penoreh getah).

Menurut Karl Marx (1976) mengenai teori kapitalis, para pengurus yang memiliki proses pengeluaran (golongan borjouis) akan sentiasa mencuba untuk meminimumkan kos pengeluaran agar dapat memaksimumkan keuntungannya. Bagi memperolehi keuntungan yang maksimum pengeluaran maka golongan borjuis ini akan cuba meminimumkan kos pengeluaran termasuk kos upah dan kebajikan pekerja serta insentif tambahan untuk para

pekerja. Tambahan pula Karl Marx (1973) telah menjelaskan bahawa keuntungan dapat dimaksimumkan sekiranya buruh bekerja secara percuma tanpa bayaran gagi (Sevan,1999).

Keadaan yang sebegini telah wujud di sektor perladangan iaitu dimana ragam pengeluaran kapitalis yang mengutamakan keuntungan telah menyebabkan pengurus-pengurus ladang (golongan borjuis) memberi upah yang rendah kepada para buruh ladang (golongan proletariat) untuk meminimumkan kos bagi memaksimumkan keuntungannya. Keadaan ini jelas kelihatan pada pihak majikan ladang iaitu dimana keingian pengumpulan harta yang berlebihan (memaksimumkan keuntungan) telah menyebabkan mereka mengurangkan perbelanjaan lain seperti mengurangkan insentif, penyediaan kemudahan infrastruktur (rumah, bekalan air, elektrik, sekolah dan lain-lain) yang rendah.

Justeru secara keseluruhannya, kekurangan perhatian majikan terhadap kebijakan ladang terhadap pekerja ladang (golongan proletariat) telah menyebabkan golongan ini dibelenggui oleh kemiskinan. Secara ringkasnya ketidakseimbangan interaksi antara hubungan-hubungan sosial yang berasaskan kuasa pengeluaran dan hubungan pengeluaran di sektor perladangan telah menyebabkan berlaku pembangunan yang tidak seimbang di sektor perladangan dimana pekerja ladang dibelenggui oleh kemiskinan manakala golongan borjuis pula menikmati segala kekayaan dan kemenangan.

1.7.Methodologi kajian

Kebiasaannya data diperolehi malalui dua sumber utama iaitu data dalam bentuk primer dan sekunder. Pengumpulan data primer dilakukan melalui empat kaedah iaitu kaedah soal selidik (survei), kaedah temuduga secara informal, kaedah temuduga formal untuk mendapatkan data dan kaedah terakhir sekali ialah menjalankan survey dengan

menggunakan kaedah soal-selidik. Manakala bahan sekunder pula diperolehi melalui kajian perpustakaan yang terdiri daripada buku teks, laporan penerbitan kerajaan, laporan seminar, jurnal, suratkhabar, majalah dan tesis digunakan sebagai penyokong maklumat di dalam kajian ini.

1.7.1.Bentuk Primer

1.7.1.1. Kaedah soal-selidik (survei)

Kaedah soal-selidik merupakan satu kaedah yang dijalankan dengan bantuan kertas soal-selidik yang seragam dan setara. Kertas soal-selidaik adalah dalam bahasa Malaysia dan terdiri daripada soalan-soalan terbuka dan tertutup. Dalam kaedah ini satu set borong soalan akan dibahagikan kepada beberapa bahagian dan seterusnya akan diedarkan kepada responden dengan bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang akan diperlukan nanti. Kaedah soal-selidik ini juga dijalankan melalui kaedah persampelan rawak, iaitu dimana ia merupakan satu persampelan proses bincian, iaitu di mana ia merupakan satu persampelan perwakilan populasi di kawasan kajian. Ini bermakna pengkaji akan menjalankan soal-selidik keatas setiap ketua isi rumah di kawasan kajian tersebut. Pada umumnya soalan yang ditanyakan pada responden adalah merupakan soalan yang berhubungan dengan latar belakang dan sosioekonomi pekerja ladang .

1.7.1.2 Kaedah temuduga secara informal

Kaedah ini mempunyai skop perbincangan yang lebih luas dan ia juga penting kerana perbualan dengan pekerja ladang dapat memberi banyak persepsi dan pandangan daripada pengalaman mereka. Cara ini amat berkesan dan membolehkan pengkaji memperoleh lebih banyak maklumat seperti yang dianggap sulit, peribadi dan sebagainya.

1.7.1.3. Kaedah temuduga secara formal

Perjumpaan secara formal dengan beberapa orang yang dianggap penting dalam membantu kajian dilakukan. Antara orang-orang yang ditemuduga ialah pihak pengurus ladang, pengkaji-pengkaji lepas dan juga beberapa orang pejuang masyarakat ladang. Kaedah ini adalah untuk memperoleh perspektif mereka selaku antara orang yang rapat dengan masyarakat ladang.

1.7.1.4. Keadah pemerhatian secara langsung

Kaedah pemerhatian secara langsung merupakan bentuk kaedah yang terpenting yang merupakan inti bagi pembentukan kesimpulan kajian ini. Pada peringkat awal, pemerhatian dilakukan dengan secara langsung iaitu pengkaji akan turut serta ke lapangan dan memerhati keadaan kehidupan dan persekitaran pekerja ladang. Kaedah pemerhatian ini akan meliputi pemerhatian terhadap aktiviti-aktiviti mereka termasuk keadaan rumah, tempat pekerja, tempat rekreasi dan tempat-tempat awam yang serta perletakkan rumah

pekerja, kerani dan pengurus di perladanagn dalam sistem perumahan, sekolah, kedai, kuil dan sebagainya.

1.7.2. Bentuk sekunder

1.7.2.1.Penyelidikan perpustakaan

Kajian perpustakaan dibuat untuk memperoleh data-data sekunder. Iaitu melalui pembacaan buku-buku yang berkaitan dengan kemiskinan dan kajian-kajian yang telah dijalankan sama ada di dalam mahupun di luar negara. Kebanyakan data-data sekunder yang terdiri daripada buku teks ini diperolehi dari perpustakaan Tun Sri Lanang, dan Za”ba. Selain itu data sekunder juga diperolehi melalui kertas seminar, laporan akhbar, laporan tahunan dan fail-fail dari jabatan-jabatan yang berkaitan dengan kemiskinan di desa mahupun di bandar.

1.8.0 Organisasi Bab

Kertas projek ini meliputi lima bab yang mempunyai perbincangan seperti berikut:

Bab 1 – Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tentang persoalan kajian, tujuan kajian, skop kajian, kerangka teoritikal kajian dan metodologi kajian.

Bab 2 - Kajian-kajian Lepas dan Sejarah Perkembangan Sektor Perladangan Sebelum dan Selepas Kemerdekaan.

Dalam bab ini pengkaji akan melihat kajian-kajian lepas dan keadaan masyarakat ladang sebelum dan selepas kemerdekaan untuk melihat dan memahami kemiskinan yang dialami oleh pekerja ladang. Bab ini juga melihat khusus kepada sektor perladangan iaitu perkembangan sektor ini sebelum dan selepas kemerdekaan. Ia juga melihat aspek-aspek pemilikan, pengurusan dan gunatenaga di ladang. selain daripada itu, bab ini juga akan membincangkan dengan ringkas tentang pekerjaan, struktur upah dan taraf sosio-ekonomi di ladang. Sementara itu, aspek kesatuan sekerja dari segi perkembangan dulu hingga sekarang juga akan ditinjau secara ringkas.

Bab 3 – Taraf sosio-ekonomi pekerja ladang.

Bab ini membincangkan tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan sosio-ekonomi dan kebijakan pekerja-pekerja India di ladang. Berbagai petunjuk sosioekonomi dari segi demografi seperti umur, jantina, pekerjaan, pendidikan, latar belakang tempat kediaman dan seumpamanya akan disorot daripada data yang dikumpulkan. Bab ini juga akan membincangkan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja ladang serta keadaan ladang yang dikaji.

Bab 4 – Faktor-faktor yang menyebabkan kemiskinan dikalangan masyarakat ladang.

Bab ini pula, akan membincangkan secara lebih mendalam terhadap faktor-faktor asas yang menghalang pembangunan masyarakat ladang.

Bab 5 – Rumusan

Bab ini pula akan membincangkan Persoalan utama kajian bab ini iaitu sejauhmanakah upah di sektor perladangn dapat menjamin kehidupan hari ini dan masa depan serta melihat kepada hubungkait antara ketersampaian kemudahaan asas dengan taraf hidup pekerja ladang. Rumusan dari persoalan di atas akan membawa kepada kesimpulan kajian ini.